

Krisis Palestin: Mahmoud Abbas hubungi Abdullah

MOSCOW 19 Jun - Presiden Palestin, Mahmoud Abbas hari ini menghubungi Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi menyatakan kesungguhan untuk menstabilkan keadaan genting di Palestin sekarang.

Abdullah yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Negara Islam (OIC) berkata, Mahmoud meyakinkan beliau bahawa usaha sedang diperhebatkan bagi mencari penyelesaian segera dan terbaik.

Dalam perbincangan menerusi telefon itu, Perdana Menteri menyatakan kepada Mahmoud adalah baik bagi Fatah bekerjasama dengan Hamas dalam rangka menghentikan pertelingkahan yang telah meragut lebih 100 nyawa.

"Beliau menerima dengan positif tetapi menyatakan bahawa ia bukan sesuatu yang mudah," katanya pada sidang akhbar dengan wartawan Malaysia di sini petang ini.

Pemimpin Palestin itu juga memberitahu Abdullah bahawa krisis yang terjadi sekarang adalah kerana Hamas mengambil tindakan yang membelakangkan kerajaan.

Perdana Menteri turut menyambut baik langkah kumpulan kuartet dianggotai empat negara kuasa besar termasuk Amerika Syarikat dan Rusia menghentikan sekatan bantuan ke atas Palestin.

Katanya, langkah itu sememangnya wajar kerana Mahmoud sebelum ini bertindak memecat anggota Kabinet Hamas berikutan krisis itu, atas kapasitinya sebagai Presiden Palestin.

Jika sekatan itu diteruskan, kata Abdullah, rakyat Palestin akan terus menderita dan keadaan akan menjadi bertambah buruk.

Beliau berharap perkembangan terbaru ini akan membuka jalan penyelesaian dengan semua pihak komited demi kestabilan.

- Utusan

UM - 20/6/2007



ABDULLAH Ahmad Badawi dan Jeanne Abdullah memotong kek perkahwinan mereka pada majlis makan malam anjuran Kedutaan Malaysia di Rusia, malam kelmarin. Turut hadir Mohamad Khalis Ali Hassan (dua dari kiri), isterinya Saripah Mohd. Jaafar dan isteri Menteri Luar, Datin Seri Sharifah Aziah Syed Zainal Abidin (kanan).